



KUMPULAN PENGURUSAN KAYU KAYAN TRENGGANU
SDN. BHD. (56141-K)

POLISI PERSAMAAN GENDER

Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Trengganu Sdn. Bhd. (KPKKT) komited untuk menyokong dan mengamalkan persamaan gender di tempat kerja. Kami akan memastikan bahawa semua kakitangan tanpa mengira jantina mempunyai peluang, hak dan penghormatan yang sama, serta selaras dengan kehendak perundangan.

Bagi menjayakan polisi ini, KPKKT akan:-

- 1- Membuka peluang pekerjaan kepada calon-calon berdasarkan kelayakan dan kemahiran yang dimiliki bersesuaian dengan kekosongan jawatan. Pemilihan calon tidak akan dibuat berdasarkan jantina dalam proses pengambilan pekerja baru.
- 2- Memastikan pembahagian tugas, peluang menyertai latihan dan pertimbangan bagi kenaikan pangkat dibuat secara yang wajar tanpa ada diskriminasi berdasarkan kepada jantina.
- 3- Menyedia dan mewujudkan peluang untuk membangunkan kepimpinan pekerja wanita di semua peringkat terutamanya penyertaan berkesan kaum wanita di dalam proses membuat keputusan dengan menggalakkan mereka menyertai komiti-komiti yang ada.
- 4- Memberi penerangan dan menyampaikan maklumat yang sewajarnya bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai polisi ini kepada pekerja dan kontraktor yang terlibat dengan aktiviti syarikat.
- 5- Menyemak Polisi Persamaan Gender ini dari masa ke semasa.


SUHAIRI BIN SULONG

Pengurus Besar Kanan
Kumpulan Pengurusan Kayu Kayan Trengganu Sdn. Bhd.

Tarikh :1/6/2020.....